



مجلس فريندران تايفينغ
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-808 0777
Fax : 05-805 3000 / 806 8957
Email : mpt@mptaiping.gov.my
Laman Web : www.mptaiping.gov.my

**JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR &
KESIHATAN**

NOTIS / IKLAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA (PERKHIDMATAN)

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang layak berdasarkan syarat – syarat pendaftaran yang ditetapkan dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	SYARAT – SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN (RM)
MPT/JPBK/S/40/24	PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN LONGKANG MONSUN DI KAWASAN ZON D MAJLIS PERBANDARAN TAIPING TAHUN 2024	(Bumiputera) Kod Bidang Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia: 221002 (Membersih Kawasan)	50.00 (tidak dikembalikan)

Dokumen sebut harga boleh diperolehi bermula **16.05.2024 hingga 23.05.2024 sehingga jam 12.00 tengah hari** di Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan, Aras 2, Majlis Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak. Satu **taklimat** akan diadakan pada **16.05.2024, jam 10.00 pagi** di Dewan Teratai, Aras 7, Penthouse, Majlis Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak. Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN** bagi kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini. **WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**

Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah pendaftarannya sahaja dan bagi maksud ini, kontraktor hendaklah membawa dan mengemukakan **Sijil Asal KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA beserta salinannya (tidak dikembalikan)** semasa membeli dokumen tersebut. Kegagalan pihak kontraktor untuk berbuat demikian menyebabkan dokumen sebut harga tidak akan dikeluarkan.

Dokumen Sebut Harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditulis Tajuk dan No. Sebut Harga di penjurua sebelah kiri sampul berkenaan. Sampul berisi dokumen-dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Akaun dan Kewangan, Aras 1, Majlis Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari** pada tarikh **23.05.2024 bersamaan hari Khamis**. Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak. Semua kos dan belanja yang terbit dan terakibat daripada tawaran sebut harga tersebut adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sepenuhnya.

Majlis Perbandaran Taiping tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Majlis Perbandaran Taiping berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab-sebab di atas keputusan tersebut.

(KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR, PMP., AMP.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Taiping

s.k Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Perak
No. 11 Lot Pt 138197
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak
(Fax: 05-5298813)

Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Perak
Daerah Larut Matang & Selama, Taiping
Tingkat 1, Bangunan MARA, Jalan Kamunting
34600 Kamunting, Perak
(Fax: 05-8050348)

Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Taiping

Pen Pengarah Khidmat Pengurusan,
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Taiping

Pengarah Kewangan,
Majlis Perbandaran Taiping

(Bagi tujuan urusan buka sebut harga. Tarikh Tutup Sebut Harga pada : 23.05.2024)